

# Atlit kita mampu

BH - 5 SEP 2001

Oleh Kadir Dikoh, Lukman Salleh, Zairee Zahir, Hussain Said, Saufi Hamzah dan Haryani N

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad percaya atlit negara mampu mencapai kejayaan cemerlang di Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 jika mereka menyematkan rasa yakin dan semangat juang jitu ketika beraksi pada temasya dwitahunan itu.

Sambil menekankan mereka adalah milik Malaysia, Perdana Menteri berkata atlit tidak seharusnya terlalu mengutamakan kepentingan peribadi kerana di bahu mereka terletak tanggungjawab menjulang nama negara.

"Kita mesti yakin kita boleh. Saya yakin atlit kita mempunyai kebolehan mengatasi kelemahan tubuh badan dengan semangat yang lebih kuat. Saya harap semua atlit Malaysia akan berusaha bersungguh-sungguh dan saya berdoa mereka mencapai kejayaan," katanya ketika menyampaikan amanat kepada 557 atlit sempena majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada Kontinjen Sukan Sea Malaysia di Laman Perdana di Putrajaya, petang semalam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyerahkan Jalur Gemilang kepada Chef de Mission negara, Datuk Wira Mazlan Ahmad. Hadir sama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tunku Tan Sri Imran Tuanku Jaafar serta sebahagian daripada 232 pegawai dan jurulatih.

Malaysia akan menyertai semua 32 jenis sukan yang dipertandingkan pada Sukan Sea yang bermula Sabtu ini sehingga 17 September.

Malaysia meletakkan sasaran meraih 80 pingat emas berbanding 57 emas yang diperolehi ketika Sukan Sea di Brunei, dua tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, sebagai tuan rumah, prestasi atlit tempatan sepatutnya lebih baik berbanding ketika bertandang ke negara lain, kerana seluruh rakyat akan memberi sokongan bagi mencapai kejayaan.

"Bagaimanapun, apa yang lebih penting ialah sikap atlit itu sendiri supaya berasa bertanggungjawab terhadap prestasi masing-masing kerana mereka mewakili negara.

"Kita nak negara kita ini menjadi terkenal kerana kebolehan tertentu. Saya yakin dalam bidang sukan tertentu, kita akan mencapai kejayaan.

"Mungkin dalam sesetengah bidang, sukar bagi kita mencapai kejayaan. Walaupun kita mungkin tidak akan jadi juara, kita perlu juga bersungguh-sungguh supaya tidak ketinggalan terlalu jauh di belakang," katanya.

Dr Mahathir yakin jika berusaha keras, mereka akan mendapat kemenangan seperti mana dibuktikan semasa Sukan Komanwel dan Sukan Sea sebelum ini.

"Jangan putus asa, jangan kecewa walau apa jua rintangan dihadapi, kita mesti mengatasinya. Satu perkara amat penting ialah jangan mudah tersinggung kerana layanan yang mungkin tidak begitu baik kepada kita.

"Kalau kita terlalu sensitif sangat mengenai layanan terhadap kita dan dengan kerana itu kita berasa marah dan kecewa, maka mustahil kita akan mencapai kemenangan," katanya.

Justeru, beliau berkata, jika ada sesuatu yang tersilap dan tersalah membabitkan jurulatih, pegawai atau kerajaan, mereka tidak harus berasa tersinggung dan marah kerana perasaan seumpama itu akan menghalang kejayaan.

Sebaliknya, beliau mahu mereka menumpukan kepada matlamat bagi mencapai kemenangan dan mengangap perkara lain yang remeh sebagai tidak relevan buat masa ini.

"Kemudian mungkin kita nak buat aduan, boleh buatlah tetapi waktu ini, tidak ada masa untuk berbuat demikian. Benda kecil seperti makanan tak sedap, bangun awal, latihan yang terlalu kerap, ketepikan semua ini.

"Sekarang ini kita nak cari kemenangan dan saya harap semua atlit ingat bahawa mereka adalah atlit Malaysia," katanya.

Igah

cemerlang: PM